

Kerajaan tak boleh campur isu cawangan MCA

UM 29 MAR 2002

SHAH ALAM 28 Mac - harus diselesaikan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir MCA.

Mohamad berkata, kerajaan tidak boleh campur tangan berhubung isu 261 cawangan baru MCA yang didakwa tidak sah untuk mengambil bahagian dalam pemilihan parti itu.

Pengerusi Barisan Nasional itu berkata, isu itu

“Mereka mungkin tidak suka, tetapi undang-undang menyatakan hal ehwal dalam parti politik tidak tertakluk kepada kerajaan atau mahkamah.

“Tetapi saya rasa jika dapat dibuktikan (tidak sah) mereka sepatutnya dihalang dari menyertai pemilihan,”

katanya semasa ditanya mengenai perkara berkenaan.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melancarkan anak syarikat Muhibbah Engineering (M) Bhd., Favelle Favco Cranes (M) Sdn. Bhd. dan kren buatan Malaysia di Jalan Kampung Jawa di sini hari ini.

Ketua Pemuda MCA yang

dikaitkan dengan Kumpulan B parti itu, Datuk Ong Tee Keat sebelum ini mendakwa 261 cawangan baru parti telah diarahkan oleh Pendaftaran Persatuan supaya tidak mengambil bahagian dalam pemilihan MCA.

Bagaimanapun, dakwaan itu dinafikan oleh Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr. Ting Chew Peh, semalam.